

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BT. HAJI MOHD. ALI
DI MAJLIS PELANCARAN BUKU
"KERJAYA PERUBATAN – PELUANG DAN PERSIAPAN"
DI FAKULTI PERUBATAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA, KUALA LUMPUR
PADA HARI RABU, 19HB. JULAI 1989
PUKUL 3.00 PETANG

Bismillahirrahman

Prof. Dato Dr. Mahmud Md. Idris
Yang Berbahagia ~~Tan Sri Profesor Dato' Dr.~~

wakil ~~Haji Abdul Hamid Haji Abd. Rahman,~~
Naib Canselor Universiti Kebangsaan
Malaysia; *+ Dehan, Joh. Pemb.*

Yang Berbahagia Profesor Madya Datin Dr.
Sharifah Hapsah Shahabudin,
Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan,
Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan
Malaysia;

Dif-dif Kehormat;

HL Perstuan
JARIS .T.P. Dr. Asbani Gg.
T.Y.T Meis + Istin.
+ kakitangan Khade
Ketua, Jabatan, & Pegawai, UKM.

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati,

Assalamu alaikum .

- Tahuniah kpd YBhg. Dato Dr Mahmud atas kunjungan kutang DENEM Yag Di Pekan Besar N.S. pagi tadi.
- Terima kasih kpd Dab Prof. Madya Dahi Dr. Sherfal Hafeah atas kerana memberi kehormatam kpd saya anti melancarkan bukis nya "Kujajaya Pembatan - Peluang & Persiapan." pty ini.

Perubatan adalah suatu kerjaya yang sangat diminati oleh ramai pelajar yang masih di alam persekolahan. Mereka didorong oleh beberapa faktor. Ada yang betul-betul terdorong oleh niat murni untuk menolong mereka yang sakit. Ada pula yang terdorong kerana pendapatan yang lumayan dan ada yang terdorong oleh taraf tinggi yang diberi kepada doktor oleh masyarakat. Apa sahaja yang mendorong mereka, yang nyata ramai memilih mengikuti kursus perubatan tanpa mengetahui dengan jelas apa yang mereka akan hadapi dan apa yang dikehendaki daripada mereka.

2. Ada juga yang telah terjadi di mana pelajar yang sudah diterima masuk ke Universiti masih belum tahu jurusan yang

...hendak/-

hendak dipilih. Saya mendapat tahu ada pelajar perubatan yang memohon menukar jurusan selepas tiga tahun pengajian kerana sedar minatnya bukan di situ. Kebanyakan mereka mengikut pilihan kawan-kawan atau ibubapa dan cara ini amat merbahaya kerana pilihan yang dibuat tidak berdasarkan kepada minat dan kemampuan mereka sendiri. Lebih merugikan lagi ialah jika seseorang yang berpotensi cemerlang dalam sesuatu bidang, membuat pilihan yang salah dan hanya mendapat pencapaian sederhana dalam pilihan ini.

3. Oleh itu saya gembira dengan penerbitan sebuah buku yang memberi maklumat mengenai pendidikan perubatan. Buku ini sesuai dibaca oleh pelajar-pelajar yang berminat untuk memilih bidang ini. Buku ini bukan sahaja

...berguna/-

berguna kepada para pelajar tetapi juga kepada ibubapa dalam menentukan pilihan kerjaya anak-anak mereka. Dengan membaca buku ini ibubapa akan lebih memahami keperluan kursus untuk membolehkan mereka berbincang dengan lebih berkesan dengan anak-anak mereka.

4. Saya tidak ragu-ragu dengan teori dan amali pembelajaran yang dikemukakan oleh Dr. Sharifah dalam bukunya ini. Beliau bukan sahaja seorang doktor tetapi juga telah mendapat latihan dan ijazah lanjutan dalam bidang pendidikan perubatan. Kemahirannya dalam bidang ini terbukti dengan perkembangan kurikulum yang begitu inovatif dan menarik di fakulti ini. Saya telah mendengar dan mengikuti dengan rapi kurikulum paduan yang

...sedang/-

"out of date" semasa pelajar itu tamat pelajaran. Apa lagi kalau seseorang itu sudah lama tamat pengajiannya dan sudah bekerja. Sudah tentu doktor ini akan terlalu "out of date" jika beliau tidak cuba memperbaharui pengetahuannya. Di samping itu dalam penjagaan pesakit kerap kali doktor memerlukan maklumat yang tidak tersimpan dalam ingatannya ataupun ia di luar pengetahuannya. Oleh itu beliau perlu mahir dalam teknik mencari maklumat ini dengan sendiri dan ini merupakan suatu kemahiran yang dipupuk melalui proses "problem solving".

6. Usaha Dr. Sharifah untuk mengenali teknik-teknik baru dalam pendidikan tidak terhad kepada bidang perubatan sahaja. Pada

...tahun/-

tahun 1984 saya telah melancarkan Persatuan Pendidik Sains Perubatan dan Kesihatan Malaysia yang diasaskan oleh beliau untuk menyatukan mereka yang terlibat dengan latihan kakitangan perubatan dan kesihatan. Saya difahamkan bahawa kebanyakan sekolah latihan di bawah naungan Kementerian Kesihatan juga sedang atau sudah mengkaji kurikulum masing-masing dan banyak idea baru mengenai pengajaran dan pembelajaran sudah diterima. Saya harap dengan usaha ini, mutu penjagaan kesihatan di negara ini akan dapat dipertingkatkan lagi.

7. Saya berbangga dengan peranan Persatuan *Pendidik Sains* ini yang bukan sahaja aktif di peringkat kebangsaan, tetapi juga telah menjadi salah satu pengasas Pertubuhan Pendidikan Perubatan

...Rantau/-

Rantau Pasifik Barat yang mempunyai gabungan 13 negara di rantau ini. Pertubuhan ini mewakili rantau ini ke World Federation for Medical Education, suatu pergerakan sedunia untuk mengorientasikan pendidikan perubatan supaya sesuai dengan keperluan masyarakat masakini. Saya mengucapkan syabas kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menjadi salah satu institusi yang menerajui perubahan di peringkat antarabangsa.

8. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan perasaan bangga dan ucapan tahniah kepada dua orang ahli Fakulti ini, iaitu Profesor Dato Dr. Mahmud Mohd Nor Dekan Fakulti Perubatan selaku Presiden Pertubuhan Pendidikan Perubatan Rantau Pasifik Barat dan Profesor Madya Dr. Sharifah yang telah

...diundang/-

diundang ke Persidangan Sedunia Pendidikan
Perubatan yang telah berlansung di Edlnburah

(Sepasang suami isteri

pada bulan Ogos 1988. Mereka merupakan dua ^{suami)}
 daripada hanya 155 orang pakar pendidikan
perubatan yang diundang dari seluruh dunia
 untuk menghadiri persidangan ini. Dr.
 Sharifah juga telah diberi penghormatan
 membaca Deklarasi Edinburgh di akhir
~~perbahasan~~ ~~terbuku~~ ini menjadi petanda
 kemajuan pendidikan perubatan di negara ini.
"Kejayaan Perubatan"
 Kita sekarang bukan sahaja menumpukan kepada
 What to Learn tetapi juga kepada How to
 Learn. "What to learn" itu penting dan ini
 dapat dilihat dalam pertumbuhan bermacam
 disiplin kepakaran perubatan dan
 penemuan-penemuan yang diterbitkan dalam

...jurnal/-

jurnal dan sebagainya. Walau bagaimanapun saya berpendapat How to learn itu mungkin lebih penting. Ini ialah kerana ia menekankan kepada proses penyerapan dan penghayatan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk amalan perubatan. Walaupun kita dikelilingi beribu-beribu maklumat sekalipun, jika kita tidak mahir dalam proses memilih, menapis dan menggunakannya, tidak ada faedah yang akan timbul daripada maklumat ini. Cara belajar juga berkait rapat dengan perkembangan tingkah laku seseorang. Caramana perubatan dipelajari akan meninggalkan kesan jangka panjang ke atas tingkah-laku doktor dalam amalannya kelak. Inilah yang membezakan proses mendidik seseorang menjadi doktor daripada memprogramkan komputer untuk membantu dalam diagnosis dan sebagainya.

...Sebagai/-

10. Sebagai seorang yang pernah terlibat dengan pendidikan kakitangan kesihatan, saya ingin mengingatkan para pensyarah supaya memberi perhatian serius kepada proses pembelajaran dan pengajaran dan bukan semata-mata kepada pemberian maklumat dan pengetahuan sahaja. Maklumat boleh didapati daripada buku dan sebagainya. Yang pentingnya ialah guru sebagai "role model" dalam proses pengajaran dan usaha mereka untuk membuat proses pembelajaran senang diikuti dan seronok bagi pelajar. Student's enjoyment of learning is the single most important indicator of successful teaching. Lagipun jika kita seronok, akan lebih senang sesuatu pengajaran difahami. "Role modelling" sangat penting dalam amalan perubatan. Banyak tingkah-laku seseorang

...dokter/-

doktor "ditiru" daripada gurunya. Kasar guru, kasarlah muridnya, lembut guru, lembutlah pelajar. Jika pelajar dibiasakan bekerjasama dalam kumpulan, pandailah mereka nanti menyesuaikan diri dalam "health team".

11. Pelajar juga mesti peka kepada proses pembelajaran sepertimana pensyarah dikehendaki peka kepada proses pengajaran. Pelajar perlu tahu caramana untuk meningkatkan kecekapan pembelajaran dan bagaimana hendak menjadi seorang pelajar yang berdikari dan berinisiatif supaya lahirlah nanti seorang doktor yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan biomedik dan teknologi yang cukup, tetapi juga mempunyai pendekatan yang berperikemanusiaan dan bertanggungjawab. Semoga dengan penekanan kepada kedua-dua

...aspek/-

aspek – pemberian maklumat dan proses pembelajaran, profesion perubatan akan lebih menghampiri "a caring" dan bukan sahaja "a curing profession".

12. Semenjak 20 tahun kebelakangan ini pendidikan perubatan telah mengalami suatu revolusi. Kemuncaknya ialah suatu persidangan sedunia yang diadakan di

Edinburgh pada bulan Ogos 1988 yang dianjurkan bersama oleh World Federation for Medical Education, World Health Organization dan UNESCO. Persidangan ini melahirkan suatu Deklarasi yang memperturunkan beberapa prinsip untuk mengorientasikan pendidikan perubatan supaya sejajar dengan keperluan masyarakat. Saya berharap Kementerian Pendidikan dan Kesihatan berbincang

...bersama-sama/-

bersama-sama mengenai prinsip ini kerana pelaksanaannya memerlukan kerjasama kedua-dua pihak.

13. Saya fikir prinsip yang dikemukakan sangat penting dan relevan. Kita perlu mencari jalan untuk memastikan pendidikan perubatan akan mengeluarkan doktor yang dapat berfungsi dalam sistem penjagaan kesihatan negara ini dan dapat mengendalikan secara berkesan masalah kesihatan yang dihadapi oleh penduduk negara masakini dan dalam dekad seterusnya.

14. Pendidikan juga perlu menekankan kepentingan penjagaan primer dengan fokus yang lebih kepada pencegahan penyakit dan

...peningkatan/-

peningkatan kesihatan daripada semata-mata menumpukan kepada penyakit.

15. Dengan itu, saya ingin mengingatkan bahawa pendidikan perlu dilakukan dalam setting yang realistik. Pengalaman pelajar perlulah mendekati keadaan yang serupa dengan bakal amalan mereka. Oleh itu fakulti perubatan perlu menjalin hubungan yang erat dengan sistem kesihatan. Fakulti perubatan juga perlu menggunakan kemudahan-kemudahan hospital daerah dan pusat-pusat kesihatan untuk pengajaran. Di samping itu pensyarah juga perlu mengambil peranan dalam penjagaan kesihatan bagi masyarakat di tempat-tempat ini. Dengan itu Fakulti juga akan memberi sumbangan besar kepada negara dalam memajukan primary care terutamanya bagi masyarakat luar

...bandar./-

bandar. Saya harap Fakulti Perubatan tidak lagi hanya menjadi tumpuan utama bagi penjagaan kesihatan di peringkat tertiar. Saya berharap Kementerian Kesihatan supaya bekerjasama dengan lebih erat dengan Fakulti Perubatan kerana ini bukan sahaja akan menghasilkan perkhidmatan kesihatan yang lebih cemerlang, tetapi juga menjamin perancangan dan latihan kakitangan kesihatan berkembang mengikut keperluan kesihatan.

16. Saya berasa bangga kerana Fakulti-fakulti Perubatan di negara ini telah menitikberatkan dan memberi tekanan yang sewajarnya kepada masalah kesihatan yang utama di Malaysia. Masalah kanak-kanak dan ibu mengandung diberi perhatian serius dalam kurikulum. Namun demikian saya ingin

...mengingatkan/-

mengingatkan bahawa pendidikan perubatan juga harus melihat beberapa isu genting yang dihadapi oleh masyarakat sekarang dan akan datang.

17. Pertama ialah masalah yang berkaitan dengan salahguna dadah. Ini adalah masalah sedunia yang semakin merebak. Kita tidak terlepas daripada wabak ini. Anak-anak muda daripada semua lapisan masyarakat makin terpengaruh dengan kebudayaan dadah. Menteri Pendidikan juga menyatakan kebimbangan beliau dengan masalah ini. Makin terdengar pula kecacatan dan ketagihan yang berlaku kepada bayi yang baru lahir kerana ibu menagih dadah. Kita tidak dapat membendung tragedi seperti ini jika tidak berusaha untuk mengawalinya. Doktor mesti disedarkan supaya

...berperanan/-

berperanan dengan lebih aktif dalam usaha masyarakat mencegah wabak ini.

AIDS

(2)

18. Epidemik AIDS melanda dunia. Para doktor perlu berusaha mencegah merebaknya penyakit ini dengan cara memberitahu para pesakit mereka mengenai bahaya dan memberi kaunseling dalam menurunkan risiko kepada penyakit ini. Kita juga mesti komited kepada kajian yang sedang dilakukan.

Pencemaran sekitaran

19. Manusia makin mencemar sekitaran dengan berbagai bahan toksik. Akibatnya, mungkin pada abad yang akan datang akan kita lihat

...berbagai/-

berbagai mutasi yang menjadi masalah kesehatan bagi kita. Para doktor juga perlu dididik untuk menjadi pro aktif dalam mencegah malapetaka ini.

Masalah lanjut usia (4)

20. Dengan peningkatan jagaan kesehatan, jangka hidup makin meningkat dan struktur populasi makin berubah dengan bertambahnya orang-orang lanjut usia. Mereka mempunyai masalah kesehatan yang khusus dan para doktor perlu dilatih untuk menjaga mereka.

Bahaya bahan nuklear dan pemeliharaan keamanan

21. Seluruh dunia menunjuk keresahan kepada bahaya alat nuklear dan kemungkinan genocide
...atomik./-

atomik. Saya harap para doktor juga boleh mengambil peranan utama dalam pergerakan untuk memberhentikan proliferasi senjata nuklear yang menelan belanja berjuta-juta ringgit. Sebagai doktor kita komited kepada pemeliharaan nyawa dan mengetahui dan peka terhadap bahaya peperangan nuklear di mana tidak ada pihak yang menang.

Stress Kerja (6)

22. Revolusi dalam pengurusan kerja masakini serta berbagai teknologi menimbulkan bermacam tekanan mental dan fizikal pada pesakit yang mesti dihadapi oleh para doktor. Saya harap Fakulti Perubatan akan berusaha menyedarkan pelajar mereka tentang isu-isu yang saya sebutkan tadi.

...Akhir/-

23. Akhir sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak UKM kerana telah mewujudkan suatu Jabatan Pendidikan Perubatan di Fakulti ini. Dengan adanya sebuah jabatan akademik, perkembangan disiplin ini akan terjamin dan saya pasti akan dapat berkembang dengan lebih pesat lagi.

24. Kepada Dr. Sharifah saya ucapkan tahniah. Kejayaan beliau menulis buku akademik, sungguhpun nampak kecil, patut dicontohi oleh pensyarah lain kerana kita masih kekurangan buku dalam Bahasa Malaysia. Saya harap dengan terbitnya buku pertamanya ini akan mendorong beliau menulis lebih banyak lagi buku perubatan.

25. Ilmu yang disebarikan adalah sedekah, kerana itu marilah kita berkongsi ilmu

...pengetahuan/-

pengetahuan sebab itu juga dikira sebagai amal ibadat.

26. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan buku "Kerjaya Perubatan – peluang dan persiapan" karya Profesor Madya Datin Dr. Sharifah Hapsah bt Syed Hasan Shahabudin.

Wasalamu alaihu
